

LAMPIRAN



Gambar 1: Temuramah bersama Ustaz Nik Azizan Bin Nik Jaafar, Penerbit dan Pengacara 'Mari Bertaranum' di TV9, temu bual pada 30 Jun 2011.



Gambar 2: Bergambar kenangan bersama isteri beliau



Gambar 3: Temubual bersama Tan Sri Haji Hassan Bin Haji Azhari, Juri dan Hakim  
Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada 4 Julai 2011



Gambar 4: Temu bual Hajah Faridah Binti Mat Saman, Johan Qariah Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa (sebanyak 8 kali ) pada 28 Julai 2011.





Gambar 5: Sesi temubual bersama Hajah Faridah Binti Mat Saman.



Gambar 6: Lawatan ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



Gambar 7: Temubual bersama Abdul Rahman Bin Abdullah, Pegawai Bahagian Perhubungan JAKIM, temubual pada 18 Jan 2012.






Gambar 8: Temu bersama Encik Mizra Hilmi Bin Abu Bakar, Pegawai Bahagian Perhubungan JAKIM, pada 18 Jan 2012.




Gambar 9: Temubual bersama Haji Sahlan Bin Idris, Merangkap Ketua Sekretariat, Bahagian Perhubungan JAKIM, temubual sewaktu latihan persembahan pada 16 Julai 2011 dan di JAKIM pada 18 Jan 2012.



Gambar 10: Buku panduan MTQA 2011





Gambar 11: muka surat 1



Gambar 12: muka surat 2.





Gambar 13: muka surat 3.




Gambar 14: muka surat 4.





Gambar 15: muka surat 5.



## PERUTUSAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya dapat kita mengadakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Rasul akhir zaman, seluruh ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M bertemakan **"Persefahaman Asas Perpaduan Ummah"**. Pemilihan tema ini adalah tepat memandangkan antara keunikan Malaysia adalah kerana kepelbagaian kaum dan agama. Persefahaman di antara kaum dan agama amat penting kerana ia merupakan tunjang dan kunci perpaduan kepada 1 Ummah.

Firman Allah yang bermaksud :

*"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."*

(Surah al-Ma'idah: 8)

Umat Islam perlu mengambil iktibar dengan keadaan yang berlaku di sekeliling. Banyak perselisihan berlaku kerana perbezaan yang timbul. Perselisihan berlaku kerana tiadanya persefahaman dan rasa hormat-menghormati. Seharusnya, perbezaan atau keunikan ini dipandang dari sudut yang positif seterusnya ditukar menjadi kelebihan yang dapat memacu kejayaan sesebuah masyarakat.

Akhir kalam, saya bagi pihak Kerajaan Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M. Semoga bumi Malaysia terus aman makmur di bawah lembayung rahmat Allah SWT.

Sekian, wassalam.

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK



Gambar 16: Ruangan perutusan Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak.






## KATA ALU-ALUAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M dapat dijayakan pada 16 hingga 23 Julai 2011 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 ini dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai acara tahunan selepas Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan selesai dilaksanakan. Melalui majlis ini, kerajaan berharap agar hubungan dua hala antara negara-negara Islam dapat diperkukuhkan khususnya bagi negara-negara yang menghantar peserta.

Selain itu, penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa dilihat bukan sahaja dapat menggalakkan masyarakat Islam di seluruh dunia untuk mempelajari teknik bacaan al-Quran, tarannum dan ilmu qiraat, malah secara tidak langsung dapat menyeru masyarakat Islam untuk membudayakan al-Quran dengan mendalami isi kandungan al-Quran, menghayati dan seterusnya mengaplikasikan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian. Para ulamak dan cendekiawan Islam juga dapat mengeluarkan nilai, hukum dan fatwa daripada kalamullah yang diwahyukan ilahi. Amat mustahil segala usul atau pandangan berkaitan hukum-hakam agama ini akan mendapat persetujuan yang serupa kerana pelbagai pendapat akan diujahkan oleh ulamak dan ahli-ahli fikir Islam. Lantaran itu, **"Persefahaman Asas Perpaduan Ummah"** dipilih sebagai tema Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 ini.

Persefahaman terhadap pelbagai aspek kehidupan umumnya dan yang menyentuh hal ehwal agama Islam khususnya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan umat Islam. Seterusnya ia menyumbang ke arah penjana perpaduan dan penyatuan umat Islam di seluruh dunia. Tanpa mengira fahaman politik, kaum, kedudukan atau darjat, umat Islam perlu mempunyai semangat perpaduan yang jitu bagi mencapai kecemerlangan. Umat Islam di seluruh dunia perlu dilihat perkasa serta mempunyai perpaduan yang kental.

Umat Islam berupaya mencapai kemenangan apabila berhadapan dengan musuh hanyalah dengan wahdah dan perpaduan. Bahkan pembangunan dan kemajuan umat selari dengan teknologi yang terkini juga boleh dibina dengan baik dan lancar hanya dengan adanya kesatuan ummah. Demikianlah kita melihat betapa signifikannya pembinaan umat Islam yang bersatu padu. Persefahaman pula menjadi titik tolak dan tapak kukuh kepada perpaduan ummah. Maka, penganjuran acara Islam di peringkat antarabangsa seumpama ini dilihat bertepatan dalam merealisasikan persefahaman tersebut melalui hubungan diplomatik antara negara-negara Islam.

Akhir kata, suka saya mengambil ruang dan peluang ini bagi merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku penganjur dan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 ini. Mudah-mudahan segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan akan diberkati dan dikira sebagai ibadah di sisi Allah SWT.

Sekian, wassalam.



**MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B)**



Gambar 17: Ucapan alu-aluan Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom  
(B)



# PERSEFAHAMAN ASAS PERPADUAN UMMAH

Islam merupakan agama rahmat kepada manusia dan alam ini. Rasulullah SAW memerintahkan untuk memudahkan dan tidak menyulitkan. Pengertian mudah di sini bererti mengikuti manhaj yang memberi keluasan dan toleransi, juga keringanan yang jauh dari tindakan yang sulit, sukar dan berat. Agama Islam amat menitikberatkan kepada umatnya supaya hidup saling bekerjasama dan bersefahaman dalam masyarakat. Kerana itulah satu-satunya cara yang boleh memberikan kehidupan yang aman damai dan sejahtera. Umat Islam merupakan umat yang terbaik dan sentiasa berusaha menzahirkan kebaikan dan menghapuskan keburukan. Allah SWT telah menegaskan di dalam kitab suci al-Quran;

***“Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang segala perkara yang salah. Serta kamu beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya.”***

(Surah Ali 'Imran: 110)

Secara umum, mengikut perspektif Islam, perpaduan terjalin melalui dua ikatan, iaitu perpaduan sesama anggota masyarakat, dan perpaduan antara kaum Muslimin. Perpaduan juga dapat dilihat daripada dua jurusan atau dimensi, iaitu, pertama: Perpaduan luaran yang tergambar sebagai kerukunan muafakat,

memperteguh suasana sosiopolitik negara demi kepentingan bersama. Kedua: Perpaduan yang jauh lebih asasi, iaitu kesatuan dalaman setiap individu yang terzahir daripada persefahaman antara pautan kejiwaan dan kerohanian.

Usaha pertama Baginda Rasulullah SAW untuk membina masyarakat di Madinah ialah dengan mendirikan masjid sebagai asas perpaduan. Seterusnya Baginda menyatukan dua golongan yang telah beratus tahun bermusuhan sesama sendiri iaitu golongan Aus dan Khazraj, lalu dikenali golongan ini sebagai Ansar. Seterusnya Baginda menyatukan golongan yang datang daripada Makkah yang diberi nama golongan Muhajirin. Kaum Aus dan Khazraj yang sedemikian lama bersengketa telah berjaya didamaikan. Hasilnya, terbentuklah satu masyarakat yang bersatu padu yang disatukan dengan ikatan ukhuwah Islamiah bercirikan kehendak Allah dan Rasul.

Firman Allah SWT yang bermaksud;

***“Dan janganlah kamu bersengketa, maka kamu akan gagal (lemah) dan hilang kehebatan kamu.”***

(Surah al-Anfal: 46)

Perpaduan dalam Islam bukan sekadar hubungan baik sesama orang Islam semata-mata, malah merangkumi kaum bukan Islam. Sejarah di zaman Rasulullah SAW mencatatkan bahawa masyarakat Yahudi dan Kristian ketika itu hidup aman dan damai di Madinatul Munawwarah kerana hak mereka tidak dicerobohi oleh umat Islam.

Dalam menjalankan hubungan baik antara masyarakat Islam dengan masyarakat bukan Islam, model negara Islam Madinah pimpinan Rasulullah SAW perlu dijadikan contoh. Sebagaimana pada awal hijrah, orang-orang Islam merupakan golongan minoriti berbanding dengan penganut Kristian dan Yahudi yang mendominasi Madinah ketika itu. Namun melalui penonjolan akhlak dan moral yang terpancar dalam bentuk teori dan

Gambar 18: Penerangan tema tahun 2011 'Persefahaman Asas Perpaduan Ummah'

praktikal, ditambah dengan keadilan pemerintahan dan pengurusan Islam yang disesuaikan dengan masyarakat majmuk ketika itu, maka tertegak akhirnya sebuah negara yang kuat, aman dan damai, bersatu padu di bawah pimpinan Nabi Muhammad SAW.

Pendekatan tersebut diperkukuhkan melalui tindakan seperti pembinaan masjid sebagai institusi sosial. Masjid Nabawi dan Masjid Quba' bukan sekadar berfungsi sebagai tempat menunaikan solat semata-mata, malah menjadi model institusi terawal Islam dalam menjana perpaduan, berperanan sebagai lokasi strategik untuk Baginda menyusun dan membentuk masyarakatnya, membangunkan aqidah umat Islam, melaksanakan urusan syariah dan menjalinkan hubungan sesama rakyat melalui akhlak yang mulia.

Rasulullah SAW memperteguhkan kewajiban memelihara hubungan persaudaraan serta mewujudkan persefahaman yang menjana kepada perpaduan dan kesatuan ummah. Ini terbukti apabila Baginda ditanya oleh seorang sahabat, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Ayub al-Ansari dalam hadisnya yang bermaksud:

***"...Ya! Rasulullah SAW bersabda kepadaku, amal yang akan memasukkan aku ke dalam syurga. Maka sabda Rasulullah SAW: 'Engkau beribadah kepada Allah SWT dan tidak mensyirkannya dengan sesuatu, mendirikan solat, membayar zakat dan menghubungkan persaudaraan.'"***

(Riwayat an-Nasa'i)

Persefahaman ini mampu dipatuhi oleh semua ahli masyarakat tanpa membezakan kaum, bangsa dan agama serta bersama-sama berganding bahu sebagai langkah membentuk kesatuan ummah dan perpaduan kaum di Madinah.

Kesan keadilan pemerintahan Islam, kelompok Islam yang awalnya minoriti menjadi majoriti apabila kaum bukan Islam beramai-ramai menganuti Islam kerana tertarik hati dengan

kebaikan yang ditonjolkan oleh umat Islam yang terserlah melalui akhlak dan perlakuan terpuji penganut-penganutnya. Persefahaman akan mewujudkan perpaduan fikiran yang memberi maksud perpaduan yang diikat oleh kesamaan arah tuju. Ini termasuklah perpaduan dalam satu ideologi atau fahaman. Begitu juga dengan perpaduan keyakinan iaitu perpaduan yang diikat oleh satu keyakinan yang benar dan mutlak yang bersifat kekal abadi; satu bentuk perpaduan yang tidak akan berkesudahan dan kekal abadi. Ikatan yang diikat oleh iman yang dihayati oleh jiwa atau hati dan bukan sekadar iman secara fikiran semata-mata. Ia melibatkan iman dan keyakinan kepada Allah SWT dan kepada rukun-rukun iman yang lain yang wajib diimani secara penghayatan. Ia juga diikat oleh syariat, iaitu peraturan-peraturan dan disiplin-disiplin kehidupan yang telah disampaikan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya yang terkandung di dalam al-Quran dan yang termaktub di dalam Sunnah Rasul.

Persefahaman yang wujud akan melahirkan ikatan jiwa yang ditunjangi oleh aqidah dan iman yang amat teguh kerana ikatannya berkait terus dengan Allah SWT yang bersifat kekal abadi. Konsep persefahaman ini pencetus perpaduan yang bermula tatkala tautan hati bersemi. Persefahaman mewujudkan perpaduan jemaah, mengukuhkan ikatan dalam kehidupan dan menjadikan Islam teguh di mata dunia.





## KONSEP REKA BENTUK ASTAKA



Reka bentuk Astaka Tilawah Al-Quran Ke-53 ini adalah berkonsepkan ketamadunan Islam. Pemilihan konsep ini bersesuaian dengan tema Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ini iaitu **“Persefahaman Asas Perpaduan Ummah”**. Dengan konsep ketamadunan Islam, kita dapat mengimbuai kembali detik-detik kegemilangan umat Islam suatu masa dahulu. Ummah terdahulu telah mengukir perubahan dengan iman dan taqwa sebagai modal utama perpaduan, tanpa mengabaikan kecenderungan terhadap pencapaian duniawi.

Gambar 19: Penerangan reka bentuk astaka tahun 2011.



### KONSEP REKA BENTUK

Seni bina Masjid Nabawi telah dijadikan sebagai rujukan bagi reka bentuk astaka ini, iaitu simbolik kepada penghijrahan Rasulullah SAW ke Kota Madinah. Perkara pertama yang Baginda laksanakan ialah membina masjid sebagai lambang perpaduan di antara kaum Ansar dan kaum Muhajirin. Masjid yang pada awalnya dibina daripada pelepah tamar, kini menjadi tempat tumpuan kedua ibadah umat Islam dari serata dunia, selepas Masjidil Haram, Makkah. Masjid menjadi institusi ibadah yang berkembang di seluruh dunia ini, adalah perlambangan penyatuan ummah. Teknologi pembinaan pada masjid masa kini pula adalah menjadi analogi kepada kemajuan yang dikecapi dan ini dilihat pada reka bentuk bumbung kubah di atas pentas Qari yang dirujuk daripada Masjid Kristal di Kuala Terengganu.

Pentas astaka dibina bertingkat-tingkat. Terdapat pentas upacara rasmi, pentas nasyid di kiri dan kanan, serta pentas untuk qari dan qariah yang berbentuk tiga dimensi bagi memusatkan tumpuan penonton ke arah persembahan bacaan al-Quran. Pentas upacara rasmi di hadapan, memuatkan enam orang tetamu kehormat pada satu-satu masa. Laluan dari hadapan ke pentas upacara rasmi merupakan laluan tetamu kehormat dan dibentuk seakan-akan elemen air, menjadi lambang ketinggian darjat al-Quran yang bukan sahaja berfungsi sebagai kitab suci umat Islam, malahan mengandungi ilmu petunjuk yang lengkap kepada ummah. Reka bentuk astaka juga diilhamkan daripada konsep

taman di dalam Tamadun Islam di mana elemen asasnya iaitu elemen air dan pepohon ditonjolkan di sekitar pentas. Arca pokok tamar merupakan projeksi kemakmuran ummah.

Panel-panel hiasan yang disusun sebagai latar dan dihias dengan corak geometri bagi melambangkan kesenian agama Islam manakala penggunaan songket pada lantai melambangkan kesenian masyarakat Melayu di negara ini. Panel-panel di belakang pula merupakan laluan qari dan qariah ke pentas bacaan. Pemilihan warna yang pelbagai, namun harmonis, iaitu seperti putih, kuning, merah, merah jambu, ungu, biru dan hijau pada pentas pula dilihat sebagai keharmonian hidup di kalangan bangsa-bangsa di Malaysia berkat daripada sikap hormat-menghormati yang diamalkan.

### KESIMPULAN

Reka bentuk pentas astaka yang berkonsepkan ketamadunan Islam ini, memperlihatkan bahawa agama Islam akan kekal relevan walaupun zaman terus beredar serta agama Islam yang bersifat syumul ini tetap boleh dipraktikkan sampai bila-bila. Agama Islam sebagai panduan yang lengkap kepada manusia telah memberi definisi kepada konsep persefahaman dan perpaduan serta bagaimana ia boleh dipraktikkan melalui usaha ke arah kemajuan ummah seagat.

Gambar 20: Penerangan reka bentuk astaka 2011.

## ATUR CARA

### MALAM PEMBUKAAN (SABTU)

14 Syaaban 1432H Bersamaan 16 Julai 2011M

- 8.00 malam - Ketibaan Dif-dif Jemputan.
- 8.15 malam - Ketibaan Dif-dif Kenamaan.
- 8.30 malam - Ketibaan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Puan Sri Datin Noorainee binti Haji Abdul Rahman.
- 8.35 malam - Ketibaan YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri Rosmah binti Mansor.
- 8.40 malam - Ketibaan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri/ YABhg. Toh Puan-Toh Puan dan Keberangkatan Tiba Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri.
- 8.45 malam - Keberangkatan Tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
  - Negaraku.
  - Bacaan Doa.
  - Bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh Qari Jemputan.
  - Upacara Sembah Kenal.
  - Ucapan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M.
  - Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Perisytiharan Perasmian Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M.
  - Persembahan Nasyid.
  - Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M dimulakan.
  - Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan.
  - Negaraku.
  - Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat meninggalkan majlis.
  - Santapan/Jamuan Malam.
  - Keberangkatan Balik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
  - Majlis Bersurai.

Gambar 21: Atur cara majlis 2011 (Malam Pembukaan)



## ATUR CARA

### HARI KEDUA (AHAD)

15 Syaaban 1432H bersamaan 17 Julai 2011M

- 8.00 malam - Para hadirin mengambil tempat duduk masing-masing
- 8.15 malam - Persembahan
- 8.35 malam - Majlis Tilawah Al-Quran dimulakan
- 9.35 malam - Rehat - persembahan selingan
- 9.45 malam - Majlis Tilawah Al-Quran diteruskan
- 11.00 malam - Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan

### HARI KETIGA (ISNIN)

16 Syaaban 1432H bersamaan 18 Julai 2011M

- 8.00 malam - Para hadirin mengambil tempat duduk masing-masing
- 8.15 malam - Persembahan
- 8.35 malam - Majlis Tilawah Al-Quran dimulakan
- 9.35 malam - Rehat - persembahan selingan
- 9.45 malam - Majlis Tilawah Al-Quran diteruskan
- 11.00 malam - Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan

Gambar 22: Aturcara malam kedua dan ketiga.

## ATUR CARA

### HARI KEEMPAT (SELASA)

17 Syaaban 1432H bersamaan 19 Julai 2011M

- 8.00 malam - Para hadirin mengambil tempat duduk masing-masing
- 8.15 malam - Persembahan
- 8.35 malam - Majlis Tilawah Al-Quran dimulakan
- 9.35 malam - Rehat - persembahan selingan
- 9.45 malam - Majlis Tilawah Al-Quran diteruskan
- 11.00 malam - Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan

### HARI KELIMA (RABU)

18 Syaaban 1432H bersamaan 20 Julai 2011M

- 8.00 malam - Para hadirin mengambil tempat duduk masing-masing
- 8.15 malam - Persembahan
- 8.35 malam - Majlis Tilawah Al-Quran dimulakan
- 9.35 malam - Rehat - persembahan selingan
- 9.45 malam - Majlis Tilawah Al-Quran diteruskan
- 11.00 malam - Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan

Gambar 23: Aturcara malam keempat dan kelima.

## ATUR CARA

### **HARI KEENAM (KHAMIS)**

**19 Syaaban 1432H bersamaan 21 Julai 2011M**

- 8.00 malam** - Para hadirin mengambil tempat duduk masing-masing
- 8.15 malam** - Persembahan
- 8.35 malam** - Majlis Tilawah Al-Quran dimulakan
- 9.35 malam** - Rehat - persembahan selingan
- 9.45 malam** - Majlis Tilawah Al-Quran diteruskan
- 11.00 malam** - Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan

### **HARI KETUJUH (JUMAAT)**

**20 Syaaban 1432H bersamaan 22 Julai 2011M**

- 8.00 malam** - Para hadirin mengambil tempat duduk masing-masing
- 8.15 malam** - Persembahan
- 8.35 malam** - Majlis Tilawah Al-Quran dimulakan
- 9.35 malam** - Rehat - persembahan selingan
- 9.45 malam** - Majlis Tilawah Al-Quran diteruskan
- 11.00 malam** - Majlis Tilawah Al-Quran ditangguhkan

Gambar 24: Atur cara malam keenam dan ketujuh.

## ATUR CARA

### MALAM PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH (SABTU)

21 Syaaban 1432H bersamaan 23 Julai 2011M

- 8.00 malam - Ketibaan Dif-dif Jemputan.
- 8.15 malam - Ketibaan Dif-dif Kenamaan.
- 8.30 malam - Ketibaan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Puan Sri Datin Noorainee binti Haji Abdul Rahman.
- 8.35 malam - Ketibaan YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri Rosmah binti Mansor.
- 8.40 malam - Ketibaan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri/ YABhg. Toh Puan-Toh Puan dan Keberangkatan Tiba Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/ Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri.
- 8.45 malam - Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Hajah Haminah binti Haji Hamidun, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.
  - Negaraku.
  - Persembahan Nasyid.
  - Pengumuman Keputusan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 Tahun 1432H/2011M oleh Pengerusi Jemaah Hakim.
  - Bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh Johan Qari.
  - Bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh Johan Qariah.
  - Upacara Penyampaian Hadiah.
  - Bacaan Doa.
  - Negaraku.
  - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Hajah Haminah binti Haji Hamidun, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman meninggalkan majlis.
  - Santapan/Jamuan Malam.
  - Keberangkatan Balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Hajah Haminah binti Haji Hamidun, Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.
  - Majlis Bersurai.

Gambar 25: Atur cara malam penutup.

## PANDUAN PEMARKAHAN

Setiap hakim akan mengetahui bahagian yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya oleh Pengerusi Jemaah Hakim. Bahagian yang akan diketuai oleh hakim adalah seperti yang berikut:

- |      |                 |   |         |
|------|-----------------|---|---------|
| i.   | Tajwid          | - | 4 Hakim |
| ii.  | Lagu / Tarannum | - | 4 Hakim |
| iii. | Fasahah         | - | 3 Hakim |
| iv.  | Suara           | - | 3 Hakim |

Pemarkahan adalah seperti yang berikut:

- |      |                 |   |           |
|------|-----------------|---|-----------|
| i.   | Tajwid          | - | 40 markah |
| ii.  | Lagu / Tarannum | - | 25 markah |
| iii. | Fasahah         | - | 20 markah |
| iv.  | Suara           | - | 15 markah |

Ciri-ciri yang diambil kira oleh Jemaah Hakim adalah seperti yang berikut:

### 1. Tajwid (40 markah)

Mematuhi segala aspek tajwid terutamanya aspek berikut:

- Menyebut setiap makhraj dan sifat huruf seperti ص, ض, ط, ظ, ق, ف, ظ, ط, ض, ص dengan betul.
- Mematuhi peraturan Tarqiq ( ترقيق ) dan Tafkhir ( تفخيم ) terutamanya bagi huruf lam ( ل ) dan raa' ( ر )
- Mad Asli ( طبيعي ) dan Mad Badal dibaca dengan dua harakat.
- Mad Jaiz Munfasil ( منفصل ) boleh dibaca dengan 2 harakat, 4 harakat, 5 harakat atau 6 harakat. Setelah memilih kadar harakat yang akan digunakan, qari perlu menggunakan kadar tersebut sepanjang

bacaannya tanpa menukar daripada satu kadar harakat kepada kadar yang lain. Contohnya, jika terdapat 2 atau lebih Mad Jaiz Munfasil dalam satu ayat, qari dikehendaki membaca kedua-dua mad tersebut dengan kadar yang sama, iaitu jika qari mula membaca dengan menggunakan dua harakat bagi Mad Jaiz Munfasil, maka beliau perlu terus membaca dengan menggunakan dua harakat bagi Mad Jaiz Munfasil yang kedua dan yang seterusnya. Mad Wajib Munfasil ( منفصل ) pula boleh dibaca dengan kadar 4, 5 atau 6 harakat jika waqaf.

- Mad Lazim Kalimi dan Harfi Muthaqqal ( منقل ) serta Mad Istifham ( مد استفهام ) mestilah dibaca dengan kadar harakat yang lebih panjang, iaitu 6 harakat.
- Mad 'Aridh ( مد عارض ) dibaca dengan kadar 2, 4, atau 6 harakat jika waqaf.
- Mad Silah dibaca dengan kadar 2 harakat. Namun, jika terdapat huruf "Hamzah" selepas Mad Silah, maka ia perlu dibaca seperti Mad Jaiz Munfasil ( منفصل ).
- Ghunnah dibaca dengan kadar dua harakat jika waqaf ( وقف ) atau wasal ( وصل ).

### 2. Lagu (25 markah)

- Menggunakan tarannum Arab tidak kurang daripada 4 jenis dalam setiap bacaan, tidak kira jenis apa yang digunakan pada permulaan bacaan.
- Setiap tarannum hendaklah disempurnakan secara teratur sekurang-kurangnya 4 harakat dengan cara berperingkat ( تدريجيا ).
- Setiap tarannum hendaklah disempurnakan dalam 3 tabaqat ( طبقات ), iaitu tingkatan suara rendah, sederhana dan tinggi.

Gambar 26: Panduan bahagian pemarkahan.



## PANDUAN PEMARKAHAN

- d. Setiap tarannum hendaklah dialunkan dengan teratur dan tidak bercampur aduk.
- e. Tarannum atau lagu bacaan penutup hendaklah sama seperti yang digunakan pada pembukaan.

### NOTA:

Lagu / tarannum yang dianggap istimewa mempunyai ciri-ciri berikut:-

- a. Tarannum mempunyai lebih daripada 4 harakat yang disempurnakan secara teratur.
- b. Tarannum yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang tidak menyerupai sepenuhnya bacaan mana-mana qari yang masyhur.
- c. Mampu menyesuaikan tarannum menurut kehendak ayat tanpa melanggar Tajwid atau Usul.
- d. Memperkenalkan variasi yang menarik dalam tarannum yang digunakan.
- e. Mampu mengawal tingkatan suara atau tarannum pada tahap tinggi, rendah dan sederhana.
- f. Mempunyai tarannum tambahan selain yang diwajibkan tanpa melebihi had masa yang ditetapkan.
- g. Menggunakan 4 naghmat ( نغمات ) semasa membaca.

### 3. Fasahah (20 markah)

Kesempurnaan Fasahah berdasarkan ciri-ciri berikut:

- a. Bacaan lancar dan sebutan tepat tanpa sebarang kesalahan.
- b. Membaca perkataan dan ayat dengan lancar tanpa tersekat-sekat.
- c. Mematuhi segala tanda bacaan mad dan tashdid ( تشديد ).

- d. Menyempurnakan ibtida' ( ابتداء ) dan 4 waqaf dengan betul termasuk waqaf jibril ( وقف جبريل ) atau waqaf nabawi ( وقف نبوي ).
- e. Membaca menurut lahjah arab yang fasih.
- f. Membaca dengan tidak terlalu laju atau terlalu perlahan.

### 4. Suara (15 markah)

- a. Suara asli.
- b. Lancar dan tepat.
- c. Jelas, sempurna dan lantang.
- d. Suara tidak berubah dari mula hingga akhir disebabkan oleh perubahan tingkatan suara semasa membaca.

### NOTA:

Suara yang dianggap istimewa mempunyai ciri-ciri berikut:-

- a. Suara merdu yang indah dan mampu menyempurnakan beberapa tarannum.
- b. Suara yang lancar, lembut dan jelas terutamanya semasa penekanan suara (tingkatan suara tinggi, sederhana dan rendah).
- c. Mampu menyesuaikan suara berdasarkan sifat semula jadi jantina masing-masing (lelaki/perempuan).
- d. Mampu mengawal suara dalam menyempurnakan tiga tingkatan (tabaqat) ( طبقات ).
- e. Mampu mengawal sepenuhnya arah tuju suara, daripada suara nyaring kepada suara lembut.
- f. Terdapat pergerakan dan ciri-ciri yang menghidupkan suara.


Gambar 27: Penerangan pemarkahan bahagian fasahah dan suara.



Gambar 28: Keadaan pentas astaka sebelum majlis dimulakan.



Gambar 29: Tempat duduk VVIP.



Gambar 30: Kawasan tempat duduk penonton.





Gambar 31: Persembahan nasyid pembuka tirai MTQA 2010.



Gambar 32: Keadaan Dewan Merdeka sewaktu Malam Perasmian MTQA 2010.



Gambar 33: Pemandangan keadaan penonton dari tempat duduk di belakang pentas aras 2.



Gambar 34: Keadaan penonton di dalam Dewan Merdeka sewaktu MTQA 2010.





Gambar 35: Gambar bersama penonton di MTQA 2010



Gambar 36: Keadaan penonton di luar Dewan Merdeka sewaktu Malam Penutup MTQA 2010.



Gambar 37: DYMM Yang DiPertuan Agong Sultan Zainal Abidin sedang memberi hadiah kepada para pemenang.





Gambar 38: Pasukan Pancaragam sedang bersedia untuk persembahan iringan muzik lagu 'Negaraku'



Gambar 39: Gambar penulis ketika menyaksikan secara langsung situasi di belakang tabir.



Gambar 40: Johan Qari MTQA 2010 Hani Abdel Aziz Ahmed.





Gambar 41: Pengacara MTQA sedang mengendalikan majlis.